



ORANG ramai menyaksikan pameran kereta sempena majlis penutupan Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) 2008 anjuran USIM di Nilai semalam.

## Pameran kereta tarik minat orang muda di USIM

SEREMBAN - Pameran kereta menjadi tarikan utama golongan muda sempena majlis penutup Konvensyen Keusahawanan Islam (iCEPS) 2008 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Stadium Tertutup Nilai, di sini semalam.

Lebih 300 muda-mudi mengunjungi pameran tersebut bagi menyaksikan sendiri dengan lebih dekat kereta yang telah diubah suai oleh golongan individu dan kumpulan profesional.

Seorang peserta, Azmin Aris, 32, dari bandar ini memberitahu, beliau mula melibatkan diri dalam pameran pengubah suai kereta sejak 2002 lagi.

Katanya, bermula dari hobi dan suka-suka, penglibatan beliau kini mula serius dan lebih 10 pameran telah disertainya.

"Saya belanja kira-kira RM15,000 bagi mengubah suai kereta jenis Wira ini. Saya buat secara individu. 'Make up' di bahagian saya memilih tema harimau bintang, kereta ini hanya tujuan pameran sahaja bukan untuk dipandu macam biasa," katanya ketika ditemui *KOSMO!* di sini semalam.

Badrul Hisham, 30, peserta dari Rawang, Selangor pula berkata, disebabkan minatnya yang begitu mendalam, soal wang ringgit bukan persoalan buat dirinya untuk membelanja hingga RM20,000 untuk mengubah suai kereta jenis Kancil.

"Kalau dinilai dari segi wang memang nampak mahal, tapi kalau dah minat kita puas apabila kereta itu berada di pameran dan memenangi pameran tersebut. Saya mula bergiat dengan pameran sebegini sejak 2004," ujarnya.